

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

PDP 419 - Kaedah Mengajar Perdagangan Dan Perakaunan I

[Masa : 3 jam]

Arahan: Jawab **TIGA (3)** soalan.
Jawab soalan No. **SATU (1)** dan **DUA (2)** soalan yang lain.

1. a) Bincangkan kurikulum yang berkaitan mata pelajaran perdagangan yang dilaksanakan di sekolah menengah bersesuaian dengan KBSM.

[20 markah]

- b) "Kualiti pencapaian pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran perdagangan peringkat SPM belum memberangsangkan". Berdasarkan kenyataan di atas bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh guru mata pelajaran ini untuk mempertingkatkan kualiti pencapaian pelajar-pelajarnya.

[20 markah]

2. Kemahiran mengajar sesuatu mata pelajaran boleh diperolehi melalui pengajaran mikro. Bincangkan kemahiran-kemahiran mengajar mata pelajaran Perdagangan dan Perakaunan yang telah anda perolehi didapati daripada pengajaran mikro yang dilaksanakan.

[30 markah]

...2/-

[PDP 419]

3. KBSM amat menegaskan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.
- a. Beri pendapat anda untuk menyokong pernyataan di atas dalam konteks pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran Perdagangan dan Perakaunan.
 - b. Bincangkan satu kaedah yang sesuai berdasarkan strategi tersebut.

[30 markah]

4. Guru Perdagangan dan Perakaunan perlu mengetahui pelbagai teori pembelajaran. Bincangkan dua teori pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan atau Prinsip Akaun di Tingkatan IV dan Tingkatan V.

[30 markah]